



## PENDEKATAN RAHMAH DALAM KEPIMPINAN POLITIK TUN SAKARAN DANDAI

### *AN APPROACHING OF RAHMAH IN POLITICAL LEADERSHIP OF TUN SAKARAN DANDAI*

Mohd Nasrun Mohd Talib<sup>1\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>2\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>3\*</sup>, Jelani Hamdan<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: MU1921015T@student.ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: jelanihamdan@gmail.com

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

##### To cite this document:

Talib, M. N. M., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2023). Pendekatan Rahmah Dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 01-18.

DOI: 10.35631/IJLGC.831001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



#### Abstrak:

Rahmah merupakan satu pendekatan yang merujuk kepada makna kasih sayang dan bersifat ihsan yang diterjemah dalam kehidupan. Dalam konteks kepimpinan yang baik, penerapan rahmah satu elemen penting bagi mencapai hasil yang diinginkan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Tun Sakaran Dandai merupakan tokoh politik Sabah berpengaruh berasal dari daerah Semporna telah berjaya mengetengahkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat melalui kepimpinan. Penglibatan Tun Sakaran dalam kepimpinan politik pada peringkat tertinggi nyata memberi impak dari sudut pembawaan syiar Islam sehingga beliau dikenali sebagai seorang tokoh bersifat tawaduk, rendah diri dan satu-satunya pemimpin politik Sabah yang mencorak politiknya berserta dengan kekuatan agama. Di dalam penulisan ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual bersama ahli politik, penduduk setempat yang rapat dan menganalisis dokumen melalui sumber bertulis seperti buku-buku, jurnal dan laporan bertulis. Melalui penulisan ini dapat dilihat bagaimana Tun Sakaran Dandai mengaplikasikan pendekatan rahmah dalam berpolitik.. Skop utama dalam penulisan ini diteruskan dengan meninjau penjelasan tentang pendekatan dan kriteria-kriteria yang telah diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai dalam memanifestasikan rahmah sebagai wadah dalam perjuangan politik di samping mengangkat syiar agama. Justeru, hasil dapatan ini jelas membuktikan bahawa beliau merupakan contoh pemimpin politik yang berhasil menunjukkan

kewibawaan berpolitik disaluti dengan pendekatan rahmah dan perlu diteladani oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang ada pada masa kini.

**Kata Kunci:**

Kepimpinan, Pendekatan Rahmah, Politik, Tun Sakaran Dandai.

**Abstract:**

Rahmah is an approach that refers to the meaning of love and courtesy that is delivered in life. In the context of good leadership, the implementation of rahmah is a vital element to achieve the results in implementing something. Tun Sakaran Dandai, is an influential political figure in Sabah, originated from the Semporna district, who has succeeded in promoting Islamic teachings comprehensively in the community through leadership. The involvement of Tun Sakaran in political leadership at the highest level clearly had an impact from the point of view of teachings of Islam nature so that he is known as a humble, humble figure and the only political leader in Sabah who has shaped his politics along with the strength of religion. In this writing, the researcher has used qualitative methods which are interviews with politicians, close local residents and analyzing documents through written resources such as books, journals and written reports. Through this writing it can be seen how Tun Sakaran Dandai applied the rahmah approach in politics. The main scope of this writing is continued by reviewing the explanation of the approach and criteria that have been applied by Tun Sakaran Dandai in manifesting of rahmah as a platform in the political struggle besides raising the lesson of religion. Thus, the results of this finding clearly proves that he is an example of a political leader who has successfully shaped his political authority coated with a compassionate approach and needs to be emulated by current community leaders.

**Keywords:**

Rahmah, Leadership, Politic, Tun Sakaran Dandai.

## Pengenalan

Kepimpinan adalah elemen yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Kepimpinan, tidak kira sama ada ianya dari segi ukuran, kategori atau gaya kepimpinannya ianya terkait dengan daya usaha untuk mencapai maqasid risalah Islam. Ibn Khaldun berpandangan bahawa khilafah (kepimpinan) bermaksud membawa seluruh manusia berada di atas landasan syarak bagi kepentingan akhirat dan urusan keduniaan yang menguntungkan akhirat (Mohamad Kamil, 2005). Ia dikaitkan dengan kepimpinan melalui teladan iaitu dimana seorang pemimpin memperkenalkan watak dan tingkah laku yang dapat menjadi sumber inspirasi dan role model (Saifulazry, 2021). Peranan pemimpin juga adalah memimpin melibatkan proses merancang, menguatkuaskan, membimbing, mentadbir, menggubal polisi, mengurus, kebertanggungjawaban, memandu, menuntun, menunjuk, mempengaruhi, mengajak, mendidik, mengajar ahli kearah mencapai matlamat melalui peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT (Dzulfida, 2020).

Siti Fatimah (2022) menerangkan kepimpinan Islam merupakan suatu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam dan pada masa yang sama mampu mencapai misi dan visi untuk jangka masa tertentu untuk menuju matlamat Islam. Kepimpinan berpandukan Islam dengan memanifestasikan pendekatan melalui personaliti yang disaluti dengan akhlak, nilai, prinsip serta amalan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah

yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Mazlina (2018) menukarkan penjelasan yang diberikan oleh Fahrid Shahran menyatakan bahawa akhlak merupakan asas kepada pembinaan jati diri masyarakat termasuklah dalam konteks kepimpinan. Dalam membaca dan memahami kegemilangan tamadun Islam, kita tidak seharusnya sekadar mengenang kehebatan ekonomi, geopolitik maupun ketenteraannya, sebaliknya perlu melihat kepada aspek yang utama, iaitu akhlak. Shaeda Shah (2016) pula menjelaskan sikap, tingkah laku dan gaya merupakan elemen yang mempengaruhi corak kepimpinan.

Penglibatan Tun Sakaran dalam kepimpinan politik sebagai wakil rakyat bukanlah melalui jalan mudah, perjalanan politik bermula pada tahun 1967 sehingga bersara pada tahun 1995 merupakan satu perjalanan yang telah memberi kesedaran terhadap dirinya tentang pentingnya kepimpinan berpandukan agama sehingga membolehkan nama beliau dikenali sebagai satu-satunya pemimpin konsisten mencorak politik berserta kekuatan agama (Nasrun, 2022). Kewibawaan dan ketokohan Tun Sakaran Dandai sebagai seorang pemimpin politik negeri Sabah diakui oleh segenap pemimpin politik negeri Sabah maupun persekutuan yang sememangnya terkenal dengan sifat tawaduk, merendah diri, penyayang dan peramah (Emin, 2009). Penjelmaan dan pengamalan sifat mahmudah dalam diri beliau merupakan manifestasi dari ajaran agama Islam yang telah sebatи dalam diri. Sifat ketekunan dan kerja bersungguh-sungguh begitu terserlah dalam dirinya sebagai seorang pemimpin politik.

Beliau telah melalui beberapa fasa yang mencabar sebagai seorang wakil rakyat daerah Semporna dengan pernah menjadi menteri dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah, menteri persekutuan dan kemuncak sebagai Ketua Menteri Sabah serta melalui fasa wakil rakyat pembangkang dalam tempoh yang panjang. Berbekalkan faktor didikan agama yang kuat daripada keluarga, pendekatan Islam begitu sebatи dalam dirinya dan diterjemah dalam kepimpinan. Perjalanan beliau sebagai pemimpin daerah Semporna bermula sebagai seorang penjawat awam telah membawa sinar kepada pembangunan dengan pendekatan bercorak keagamaan. Kewibawaan Tun Sakaran mendorong beliau sebagai satu-satunya pemimpin politik yang mencorak politik berserta dengan kekuatan nilai keagamaan mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Negeri Sabah dan kerajaan Malaysia.

Namun, hal ini hanya boleh dilaksanakan oleh mukmin yang mempunyai hati nurani yang ikhlas. Menyedari bahawa peranan nilai dan tingkah laku, ia mampu mempengaruhi kepada pembawaan dalam corak kepimpinan politik seseorang. Berikut diperincikan hasil dapatkan yang diperoleh menelusuri sifat keperibadian dan kewibawaan Tun Sakaran Dandai sebagai seorang pemimpin politik yang telah berjaya menterjemah pendekatan rahmah dalam kepimpinan melalui politik sehingga diberikan gelaran Bapa Pembangunan Modal Insan Negeri Sabah seiring dengan penganugerahan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H.

## Sorotan Literatur

Pendekatan rahmah mempunyai hubungkait yang begitu erat dalam konteks seorang pemimpin. Pemimpin yang mempunyai kewibawaan, ketokohan dan mempunyai keperibadian yang unggul semestinya mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai model dalam mencorak kepimpinan dan turut mengikuti jejak langkah empat khalifah al-rassyidin (Abbas & Tan, 2019). Ia juga signifikan melalui penjelasan Hamka yang menyatakan bahawa pemimpin itu bermaksud 'Memimpin supaya tegak. Membimbing supaya dapat berjalan, memapah supaya jangan jatuh attau menarik naik kalau sudah tergelincir jatuh. Tegak ke muka kalau bahaya datang mengancam' (Nur Syahida, 2020).

Islam merupakan sebuah agama yang menganjurkan umatnya agar bersifat rahmah. Rahmah yang berasal dari kata dasar ‘rahima-yarhamu-rahmah’ membawa maksud kasih sayang dan disebut berulang kali di dalam al-Quran. Bahkan Allah SWT sendiri menyifatkan diri-Nya dengan sifat rahmah. Merujuk kepada kitab Mu’jam alMufahras li Alfaz al-Quran al-Karim, perkataan rahmah telah disebut sebanyak 142 kali di dalam al-Quran seperti disebutkan oleh Muhammad Fuad Abd al-Baqi. (Muhammad Haikal, 2018). Hal ini menunjukkan betapa Allah sangat menitikberatkan sifat rahmah atau pun kasih sayang di dalam diri umat Islam. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

**فُلِّمَنْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فُلِّمَنْ كَتَبَ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ لِيَجْعَلَكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ الَّذِينَ حَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ١٢**

Maksudnya: *Katakanlah, kepunyaan siapakah apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Kepunyaan Allah. Dia telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang. Dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu pada hari kiamat, yang tidak ada keraguan terhadapnya. Orang-orang yang merugikan dirinya, mereka itu tidak beriman.*

(al-Quran, Surah al-An'am: 12)

Muhammad Haikal (2018), menukilkan penjelasan Zaid Kamaruddin yang menerangkan Rahmah adalah milik semua lapisan golongan masyarakat termasuk kepada yang bukan Muslim. Ia bersesuaian dengan penjelasan yang dinyatakan oleh Mohd Parid Sheikh Ahmad (2015) konsep rahmah ialah keperluan mewujudkan suasana harmoni dan hubungan yang baik sesama penganut agama kearah mencapai kemaslahatan dan keharmonian dalam negara. Masyarakat yang memperoleh kebaikan dapat membentuk sebuah negara yang harmoni. Semua ini bermula daripada individu yang memahami konsep rahmah dengan kefahaman yang jitu bahawa kebaikan itu mestilah disebarluaskan kepada semua. Perkara ini ada disebutkan di dalam al-Quran menerusi firman-Nya:

**لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الْدِينِ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُحْرِجُوكُمْ مَنْ دِيرُكُمْ أَنْ تَبْرُو هُمْ وَنُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ٨**

Bermaksud: *Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.*

(al-Quran, Surah al-Mumtahanah: 8)

Terdapat sebuah hadis yang menggambarkan akan luasnya rahmah Allah sehingga satu peratus daripada rahmah yang dimiliki oleh Allah itu dapat dibahagikan di antara makhluk-makhlukNya di bumi. Rasulullah SAW bersabda:

**إِنَّ اللَّهَ مَا أَنْتَ بِرَحْمَةٍ فَمِنْهَا رَحْمَةٌ هَا يَتَرَاحَمُ الْخُلُوقُ بَيْنَهُمْ وَتَسْعَةُ وَتَسْعَةُ وَتَسْعَةُ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ**

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mempunyai seratus rahmah. Allah hanya menurunkan satu rahmah untuk dibahagikan di antara jin dan manusia serta semua binatang. Maka dengan sebab satu itulah mereka saling mengasihi dan berkasih sayang, dan dengan sebabnya binatang buas mengasihi anaknya. Dan Allah menunda (pemberian) sembilan

puluh sembilan rahmah lagi yang akan mengasih hamba-hamba-Nya pada hari Kiamat."

[Hadis Riwayat Muslim, (No. 2752)]

Menurut pandangan agama Islam, kepimpinan adalah satu kedudukan mulia yang boleh menyelesaikan masalah manusia dan membimbing mereka kepada kebaikan kekal di dunia dan akhirat. Pemimpin adalah seseorang yang membimbing dan memimpin para pengikut menjadi manusiaawi. Memberi keutamaan atas kebaikan manusia, Islam mendedahkan kepimpinan sebagai kontrak psikologi di antara pemimpin dan pengikut-pengikutnya di mana pemimpin akan cuba yang terbaik untuk membimbing, melindungi dan melayan mereka dengan adil dan saksama (Monjur, 2015). Dzulfida (2020) dalam jurnalnya menukilkan penjelasan Abdullah Nashih Ulwan menyatakan tiga ciri-ciri kepemimpinan yang melahirkan pemimpin yang berwibawa iaitu *Taqwa*, *Ukhuwah* dan *Rahmah*.

Kepimpinan Islam yang hebat menurut sarjana perlu meneladani setiap panduan yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Mohd Norzi (2019) menyimpulkan pandangan sarjana Islam menyatakan bahawa untuk mencapai kepimpinan Islam yang berwibawa dan berwawasan tinggi, seorang pemimpin perlulah beragama Islam, berakhhlak baik, berilmu, berpengaruh dan sifat berani. Islam yang dinyatakan itu adalah merujuk kepada keimanan iaitu menjaga hubungan dengan Allah dan rasul-Nya serta menjaga hubungan baik sesama manusia. Islam yang bersifat rahmah perlu diterjemah dalam konteks kepimpinan dalam usaha memartabatkan Islam yang unggul dalam pelbagai bidang.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menganalisis berkaitan pendekatan rahmah dalam kepimpinan politik Tun Sakaran Dandai. Kajian kualitatif diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual bersama responden. Data dan maklumat yang diperoleh melalui temu bual mahupun dari sumber kandungan bertulis dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan impak yang positif kepada generasi kini yang melibatkan diri dalam kepimpinan politik seiring dengan acuan Islam sebagai panduan.

### **Analisis Kandungan**

Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan melalui sumber dokumen bertulis berkaitan Tun Sakaran Dandai. Antaranya ialah Tun Sakaran: *Membina Jati Diri dalam Perjuangan Politik* (2007), Biografi Bergambar Tuan Yang Terutama Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai (1996), Biografi Tun Sakaran Dandai: *Min Rilaut Ni Bud* (2015), Tun Sakaran Dandai: Pejuang Warisan dan Kesenian Lepa Semporna (2015), Sumbangan Tun Sakaran Dandai dalam Perkembangan Islam di Semporna: Satu Analisis (2020) dan Pembinaan Jati Diri Muslim Dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai: Satu Tinjauan (2022). Selain itu, pengkaji turut membuat analisis terhadap beberapa kandungan dari sumber disertasi dan jurnal penyelidikan yang menerangkan berkaitan jati diri muslim, kepimpinan dan politik Islam bersandarkan daripada pandangan sarjana-sarjana Islam.

### **Temu Bual**

Pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang responden dalam kalangan ahli politik antaranya Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, ahli Parlimen Semporna (1995 sehingga kini), merupakan setiausaha politik kepada Tun Sakaran Dandai (1991-1994), Datuk Seri Panglima Dr. Salleh

Tun Said Keruak, wakil rakyat kawasan Usukan, pernah bertugas dibawah kepimpinan Tun Sakaran selaku Timbalan Ketua Menteri Sabah (Mac - Disember 1994), Datuk Seri Nasir Tun Sakaran, anak kepada Tun Sakaran, menjadi wakil rakyat kawasan Sulabayan (1990-1994) dan Senallang (1995-2018) serta pernah menyandang jawatan sebagai menteri dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah.

Selain daripada responden ahli politik, pengkaji turut menemu bual responden dalam kalangan penjawat awam dan penduduk kampung iaitu Datuk Dr. Hamzah Amir mantan Pengarah Percetakan Negeri Sabah dan penulis buku bertajuk *Tun Sakaran: Membina Jati Diri Dalam Perjuangan Politik*, Datuk Abdul Jamal Tun Sakaran, Pengurus Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Mauludun Bullun merupakan penduduk asal kampung Lihak-Lihak Semporna dan Ismail Amir pesara kakitangan awam berasal dari Semporna. Kesemua maklumat yang diterima dianalisis dan dimasukkan dalam kajian ini.

### **Hasil Dapatan**

Terdapat beberapa nilai-nilai yang menyumbang kepada pembinaan jati diri muslim telah dianalisis dalam perjuangan politik Tun Sakaran Dandai yang boleh dijadikan sebagai ikutan generasi kini khususnya dalam bidang kepimpinan.

### **Kasih Sayang**

Kasih sayang merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Ia adalah suatu aktiviti mental yang rasional dan logikal. Zamanudin (2015) menyatakan kasih sayang terbina atas sifat rahmat Allah SWT terhadap hamba-Nya dan kerana itulah manusia diciptakan. Bersifat dengan kasih sayang juga penting kerana ia juga adalah antara sifat Allah, iaitu al-Rahim. Sifat penyayang Allah SWT tidak ada tolok banding kepada makhluk-Nya kerana selama mana manusia bernyawa, maka sepanjang itulah kasih sayang Allah tidak putus. Sifat penyayang tidak boleh diwarisi, tetapi boleh dipupuk dan dibaja dalam jiwa insan sejak kecil. Semua ini harus mengingatkan kita betapa kehidupan manusia harus dibina dan diasaskan atas rasa kasih sayang. Ia adalah sifat sejagat, sangat mulia dan harus menjadi sandaran hidup. Sifat empati beginilah yang menjadi tali yang mengikat nilai keinsanan menjalani kehidupan dengan orang sekeliling kita (Khaled, 2015).

Menurut Siti Norlina et.al (2004), setiap individu hendaklah mengendalikan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga tercapai matlamat kebahagiaan di dalam kehidupannya. Kebolehan dalam mencerahkan kasih sayang merupakan asas dalam pembinaan keluarga bahagia. Ini kerana setiap anggota keluarga mampu menunjukkan kasih sayang sesama mereka bagi mengeratkan hubungan. Kasih sayang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Kesediaan mengambil berat, memberi perhatian, tolong-menolong, bertolak ansur dan menjaga kebijakan adalah antara ciri-ciri penting untuk melahirkan masyarakat dan keluarga yang harmoni.

Kasih sayang adalah antara sifat yang dituntut oleh Islam. Jika masyarakat kita kurang mengamalkan sikap penyayang bererti mereka tidak mengamalkan Islam secara keseluruhannya. Perkara ini telah ditegaskan oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya:

عَنْ أَبِي حُمَزَةَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ خَادِمُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ .

Maksudnya: “*Daripada Abu Hamzah Anas ibn Malik RA, khadam Rasulullah SAW, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: “Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.”*

[Hadis Riwayat Bukhari, (No. 13)]

Penerapan rahmah dengan sifat kasih sayang Tun Sakaran dalam berpolitik merupakan lambang kepada keperibadian sebagai seorang pemimpin. Hal ini dibuktikan melalui Mauludun (2021) yang menceritakan bahawa sifat kasih sayang kepada ahli keluarga begitu sangat mendalam. Buktinya adalah dalam konteks bermasyarakat, cara dan tingkah Tun Sakaran begitu akrab melayan penduduk yang datang ke rumahnya di Kampung Air Semporna. Dalam siri jelajah menziarah penduduk kampung setiap perkampungan sama ada di tanah besar Semporna atau di kawasan pulau, beliau akan meluangkan masa sebaik dan duduk bersama seolah-olah hubungan diibaratkan adik-beradik. Sifat kasih sayang beliau diakui oleh penduduk disebabkan cara layanan, tutur kata yang dilontarkan dan pemurahnya dengan memberi bantuan kepada orang memerlukan termasuklah dengan kerap bersedekah tanpa mengira orang. Perkara ini bertepatan dengan salah seorang rakan politiknya iaitu Ampung Puyon (Ismail Abas, 1996) berkata bahawa:

*“Tun Sakaran merupakan seorang pemimpin yang patuh pada ajaran Islam. Sekiranya Tun ternampak ada masjid, jarang sekali Tun lalu begitu saja melainkan singgah untuk menunaikan solat. Dalam bidang kemasyarakatan pula, Tun akan berasa susah hati kalau tidak dapat membantu seseorang yang datang kepadanya untuk meminta pertolongan. Sikap penyayang dan pemurah Tun bukan saja kepada keluarganya tetapi juga kepada kawan atau sesiapa saja tanpa memilih keturunan dan agama. Tun juga seorang yang kemas dalam berpakaian. Beliau amat menepati masa dalam melaksanakan tugasnya. Satu lagi sikap yang Tun miliki iaitu Tun tidak menghamparkan tetamu yang datang menemuinya. Beliau sanggup duduk di pejabat sehingga malam asalkan dapat melayani tetamunya itu.”*

Menurut Razak (2022), sifat kasih sayang ditunjukkan oleh Tun Sakaran kepada keluarganya sendiri adalah dengan menitikberatkan tentang solat. Sejak kecil lagi Tun Sakaran membiasakan anak-anaknya supaya mendirikan solat secara berjemaah. Meskipun kesibukan sebagai wakil rakyat dan menggalas tugas sebagai menteri, namun tanggungjawab didikan agama kepada anak-anaknya amat diberikan perhatian. Pendidikan sekolah juga diberi perhatian yang mana kesemua anak-anak Tun Sakaran berjaya menerima pendidikan dari rendah sehingga peringkat tinggi. Buktinya abang-abangnya iaitu Datuk Seri Nasir, Datuk Omar Ali, Muhammad Mokhtar dan Datuk Abdul Jamal berjaya menamatkan pengajian di Amerika pada tahun 1981. Memberi pendidikan yang cukup merupakan satu bentuk kasih sayang kerana dengan ilmu sahaja menggambarkan kasih sayang seorang bapa kepada anaknya, bukannya dengan pemberian harta.

Menurut Ismail Amir (2022), meskipun dalam kesibukan dalam tugas sebagai pemimpin politik, Tun Sakaran tidak pernah melupakan hubungan ahli keluarganya. kebiasaannya ketika bulan puasa di Semporna, Tun Sakaran akan memanggil kakak-kakak dan adiknya iaitu Hajjah Salamah, Hajjah Sarabiah, Hajjah Aradiyah dan Hajjah Bunga Suara (ibu Datuk Shafie Apdal) datang berkumpul ke kediamannya di Kampung Air bersama anak-anak. Tujuan memanggil ahli keluarganya adalah untuk meluangkan masa berbuka puasa bersama seluruh ahli keluarganya di samping memberikan bantuan kewangan sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kesemua anak-anak saudara turut diberikan hadiah dengan pakaian baru untuk dipakai pada Hari Raya. Kesemua anak-anak saudaranya berkumpul kerana sudah menjadi

kebiasaan mengadakan pertemuan keluarga untuk mengeratkan lagi kasih sayang dan memastikan hubungan kekeluargaan tetap utuh.

Mengambil peribahasa Melayu ‘menantang minyak yang penuh’, Shafie Apdal (2022), menceritakan pengalaman bagaimana dipelihara bersama adiknya dalam sekitar tahun 1980-an, ketika itu adik kandungnya bernama Hamid Apdal bersama sepupunya Mustapa Ab Salam sedang belajar di peringkat sekolah menengah dan tinggal di kediaman Tun Sakaran di Likas, sifat kasih sayang Tun Sakaran jelas terserlah kerana mereka dididik dan dijaga seperti anak sendiri. Menurutnya lagi, walaupun dia bersama Mustapa merupakan saudara yang duduk berjauhan dengan ibu bapa di Semporna, tapi kasih sayang seorang bapa dapat dirasai melalui layanan yang diberikan oleh Tun Sakaran dengan memberi perhatian terhadap pendidikan. Kesemua kos yuran persekolahan dan duit belanja ditanggung sepenuhnya. Ketika itu juga, dia sedang bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Kesemua mereka selalu berkumpul bersama setiap hujung minggu bergotong royong membersihkan rumah untuk mengeratkan lagi kasih sayang.

### ***Bersifat Sabar***

Sabar mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia. Sifat sabar yang dimiliki manusia akan menahan mereka dari segala hal yang buruk, kerana sifat sabar mempunyai keterkaitan dengan sifat baik lainnya. Sabar dalam istilah agama Islam menurut para cendekiawan Islam menyatakan adalah teguh dan tahan menetapi pengaruh yang disebabkan oleh agama untuk menghadapi atau menentang pengaruh yang dipengaruhi oleh hawa nafsu (Muhammad Irham, 2014). Sifat ini perlu ada dalam diri seseorang yang bergelar muslim. Misbachul Munir (2019) menukilkan pandangan Imam al-Ghazali yang mendefinisikan sabar sebagai ketetapan hati melaksanakan tuntutan agama menghadapi rayuan nafsu. Berkaitan dengan sifat sabar, terdapat beberapa ayat yang menyebut tentang sabar. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman :

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُلْمَةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِأَيَّاتِنَا يُوقِنُونَ ٤

Maksudnya: “Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.”

(al-Quran, al-Sajdah: 24)

Sifat Sabar merupakan satu keperluan dalam kepimpinan dan hal ini terkait dengan pendekatan rahmah dalam politik Tun Sakaran Dandai. Perjuangan beliau selaku pemimpin di daerah Semporna nyata memberi kesan kepada arus pembangunan setempat dalam kalangan masyarakat Bajau. Perjalanan dan perjuangan Tun Sakaran dalam arena politik bukanlah jalan yang mudah. Perjalanan ke arah menceluri bidang politik bermula sebelum era merdeka lagi. Kesungguhan untuk melihat masyarakat Semporna mampu berdiri dan berdaya saing membangunkan ekonomi tanpa bergantung dengan pihak luar. Ini berdasarkan pengalaman bekerja dibawah pemerintahan penjajah yang beliau melihat sendiri kesusahan penduduk setempat. Berinspirasi semanngat juang dan sabar yang tinggi, beliau terus berkhidmat sebaiknya sebagai seorang pemimpin. Apabila parti *United Sabah National Organisation* (USNO) ditubuhkan pada tahun 1961, Tun Sakaran menyertai parti USNO sebagai wadah perjuangan politik sehingga terpilih menjadi wakil rakyat Semporna selepas pilihan raya negeri pertama diadakan pada tahun 1967.

Berdasarkan dapatan Mohd Nasrun et.al (2022) menyatakan bahawa apabila Tun Sakaran Dandai terlibat sepenuhnya dalam dunia politik, Tun Sakaran tetap fokus meneruskan kesinambungan perjuangan membangunkan daerah setempat dengan menyediakan beberapa lagi kemudahan antaranya kemudahan masjid dan surau, pembinaan sekolah, hospital dan membuka tanah rancangan untuk tujuan penempatan penduduk memerlukan sifat sabar yang tinggi. Perancangan agak lancar apabila Tun Sakaran berada dalam pentadbiran negeri sebagai menteri dan memudahkan lagi melaksanakan program pembangunan yang menjadi keperluan penduduk setempat. Namun, setelah jatuhnya USNO sebagai pemerintah pasca pilihan raya 1976, landskap politik Sabah telah berubah dan perancangan untuk membangunkan daerah setempat menemui jalan berliku dan menyebabkan politik Tun Sakaran beralih arah ke peringkat nasional sebagai ahli Parlimen untuk merebut peluang meneruskan perjuangan membela nasib rakyat.

Menjadi wakil rakyat pembangkang dari tahun 1976 sehingga 1994, kesungguhan Tun Sakaran terus terserlah meskipun berdepan cabaran. Menurut Emin Madi (2009), Penglibatan beliau dalam Pertubuhan Islam Seluruh Sabah USIA bersama Tun Mustapha dan beberapa pemimpin lain tetap diteruskan sungguhpun berdepan dengan krisis kewangan USIA sehingga hampir dibubarkan. Perjuangan untuk memastikan pertubuhan USIA sebagai wadah perjuangan dalam menyebarkan syiar Islam di negeri Sabah tetap utuh dengan menggembungkan peranan dan tanggungjawab bersama meskipun menjalankan tugas sebagai ahli politik yang bekerja untuk rakyat. Sumbangan dan peranan Tun Sakaran dalam memastikan syiar Islam sangat besar berbekalkan nilai semangat juang yang tinggi dan sabar mendepani cabaran menjadi kunci menyumbang kepada pembinaan jati diri dalam kepimpinan (Shafie, 2022).

Shafie Apdal (2022) menceritakan suasana dalam kempen pilihan raya Tun Sakaran bagi kerusi Parlimen yang pernah disertainya iaitu pada tahun 1986 dan 1990, pendekatan dan metode diaplikasikan oleh Tun Sakaran begitu nyata tidak berubah. Kebiasaan dalam suasana berkempen begitu hangat dalam berusaha merebut dan mempertahankan kemenangan, namun Tun Sakaran tetap dengan pendekatan rahmah dengan lemah lembut. Hal ini nyata begitu memberi impak di hati masyarakat Semporna yang begitu sebat dengan sifat kepimpinan ditunjukkan oleh Tun Sakaran. Cogan politiknya iaitu ‘Sabar’ begitu memberi impak yang tinggi disamping menterjemah mesej Islam disampaikan kepada masyarakat. Begitu juga kempen Tun Sakaran di Kelantan dalam pilihan raya kecil tahun 1993, meskipun berlaku pergeseran sangat besar antara UMNO dan PAS ketika, Tun Sakaran tetap membantu rakannya dengan pendekatan yang berhikmah dan lemah lembut. Parti PAS ketika itu dianggap ekstrim benci kepada UMNO, bukanlah penghalang untuk beliau berjumpa dengan pemimpin PAS. Matang dan sejahtera Tun Sakaran telah aplikasikan dalam politiknya.

### ***Bermusyawarah***

Kepimpinan transformasi Rasulullah SAW apabila berjaya mengubah peradaban zaman jahiliyyah ketika itu. Hal ini menjelaskan bahawa ciri-ciri kepimpinan Islam perlu berupaya mengangkat keadaan moral yang rendah kepada moral yang jauh lebih baik (Amirul, 2021). Hal ini memerlukan pemimpin yang unggul dengan prinsip kepimpinan yang mempunyai niat, taqwa, kesyukuran, syura, amanah, tadbir urus yang cekap, peka dan prihatin, ketepatan tujuan dan wawasan yang jelas untuk ummah. Nor Anisah Abu Hanafiah & Razaleigh Muhamat@Kawangit (2017) menjelaskan bahawa Rasulullah SAW dijelaskan sebagai pemimpin yang menekankan sikap toleransi, sabar, konsep kesamarataan, perbincangan

individu dengan penuh adab dan tunjuk ajar yang berhemat, peka dan memberi tindak balas dalam setiap tingkat laku dan aktiviti pengikut serta mementingkan pencapaian pengikut.

Perkataan 'musyawarah' atau 'syura' begitu signifikan dalam kehidupan dan ia difahami dengan istilah mudahnya adalah mermesyuarat. Mohd Sharizal (2021) menjelaskan maksud musyawarah daripada sudut bahasa, seperti dinyatakan dalam Mu'jam Maqayis al-Lughah perkataan 'syura' bermaksud menampakkan dan memaparkan sesuatu atau mengambil sesuatu ketetapan. Daripada sudut istilah, pandangan beberapa ulama terdahulu seperti Ar-Raghib al-Ashfahani mendefinisikan 'syura' sebagai proses mengemukakan pendapat atau pandangan dengan saling menyaringnya antara orang yang terbabit dalam proses perbincangan. Firdaus (2019) menerangkan bahawa 'musyawarah' ataupun perbincangan merupakan sebahagian dari mekanisme pengambilan suatu keputusan, dalam sejarah Islam telah cukup diaplikasikan dalam kepimpinan oleh Rasulullah SAW semasa awal kedatangan Islam. Pendekatan musyawarah ini telahpun diamalkan dalam bermasyarakat dan merupakan salah satu sistem yang dapat digunakan untuk memutuskan suatu masalah dengan tepat.

Ketika era kepimpinan Tun Sakaran mula bersinar dan menjadi sandaran penduduk kearah membangunkan daerah Semporna, beberapa tindakan dan usaha hasil kerja mula kelihatan dengan jelas hasil dari pendekatan musyawarah bersama. Buktinya apabila Tun Sakaran merancang ingin membuka tanah rancangan untuk dijadikan penempatan penduduk (Nasrun, 2020). Bersumberkan daripada Abdul Jahim (2021) menceritakan Tun Sakaran telah datang berjumpa dengan beberapa orang wakil penduduk Pulau Larapan yang digelar Orang Tua bermusyawarah tentang usaha perancangan ini. Sudah menjadi kebiasaan dan adat bagi orang Bajau sekiranya ingin membuat sesuatu perkara, mestilah berjumpa dengan orang-orang tua tanpa membelakangi mereka. Tingkah laku yang ditunjukkan nyata memberi kepuasan kepada semua penduduk kerana walaupun Tun Sakaran mempunyai kuasa membuat keputusan, namun tidak membelakangi orang tua.

Menurut Mohammad Mokhtar (2022), ketika Tun Sakaran berada dalam kabinet negeri mahupun persekutuan, Tun Sakaran sering melakukan musyawarah bersama ketua. Buktinya ketika dalam kabinet negeri Sabah dibawah pimpinan Tun Datu Mustapha, beliau sering berjumpa dengan Tun Datu Mustapha selaku Ketua Menteri iaitu menyuarakan tentang keperluan rakyat khasnya masyarakat di daerah Semporna. Menurutnya setiap kali mesyuarat kabinet diadakan, Tun Sakaran amat menitikberatkan tentang perlunya perbincangan bersama ketua sebelum melakukan sesuatu. Musyawarah atau perbincangan suatu perkara yang amat penting dalam berorganisasi dan tidak boleh melakukan sesuatu tindakan dan membuat keputusan sebelum merujuk kepada ketua terlebih dahulu. Dengan cara ini dia menunjukkan sifat dalam dirinya yang taat kepada ketua.

Menurut Shafie Apdal (2022) selaku Setiausaha Politik, menceritakan bahawa Tun Sakaran sebenarnya pernah ditawarkan menyertai kabinet persekutuan sejak tahun 1986, namun beliau menolaknya. Tawaran kedua pada tahun 1990 beliau menerima setelah berbincang dengan Perdana Menteri dan Setiausaha Politiknya. Bahkan Tun Sakaran juga telah berjumpa dengan kakak-kakaknya tentang perihal ini. Akhirnya, Tun Sakaran telah menerima tawaran jawatan yang diberikan selepas mengadakan perbincangan. Pendekatan musyawarah sebelum membuat satu keputusan nyata jelas diaplikasikan oleh Tun Sakaran. Menurutnya lagi, Tun Sakaran ini mempunyai keunikian kerana prinsipnya hanya fokus bekerja dan mengadakan perbincangan. Tidak pernah mengambil tahu tentang tawaran jawatan diberikan meskipun beliau merupakan wakil rakyat Semporna yang menjadi kebiasaan wakil rakyat akan menjawat jawatan tertentu.

Semasa Tun Sakaran Dandai menyandang jawatan Ketua Menteri Sabah, beliau menunjukkan sifat seorang ketua yang mudah berbincang dan tidak membuat keputusan sendiri. Perkara ini dibuktikan melalui perkongsian oleh Salleh Tun Said (2021) yang ketika itu sedang menjawat jawatan Timbalan Ketua Menteri Satu, menceritakan beberapa pengalaman yang dialaminya sendiri sepanjang bekerja di bawah kabinet negeri ketika itu. Tun Sakaran jelas memperlihatkan sifatnya yang suka kepada pendekatan musyawarah. Setiap kali dalam mesyuarat kabinet, Tun kerap bertanya kepada rakan kabinet yang lain sebelum membuat keputusan. Pernah dalam beberapa mesyuarat kabinet yang diadakan, beberapa rakan kabinet menghangatkan suasana mesyuarat, saranan ketika itu agak sukar diterima oleh beberapa menteri yang lain. Namun Tun Sakaran selaku ketua tidak pernah menunjukkan raut wajah mahupun ungkapan tidak, akan tetapi terus membuka ruang untuk berbincang bersama sehingga terhasil keputusan sebulat suara.

Penerapan musyawarah yang ditunjukkan oleh Tun Sakaran Dandai dalam konteks kepimpinan politiknya nyata menunjuk pendekatan rahmah yang berpandukan agama. Musyawarah ini merupakan satu perkara yang penting dan ada disebutkan di dalam al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT yang menyebut tentang musyawarah ini terdapat dalam surah ali-Imran dan surah as-Syuura. Allah SWT berfirman:

وَشَارُّهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَّ مَتَ قَوْكَلٌ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

Maksudnya: "... dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya."

(al-Quran, ali-Imran: 159)

Musyawarah ini juga ada direkodkan dalam hadis. Rasulullah SAW bersabda:

مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَكْثَرَ مَسْعُورَةً لِأَصْحَابِهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: "aku tidak pernah melihat seseorang yang sering bermusyawarah dengan para sahabat daripada Rasulullah SAW."

[Hadis Riwayat Tirmidhi, (No.1636)]

### **Bersifat Santun**

Bersifat dengan sopan santun dalam budaya bermasyarakat tidak terhad kepada kesantunan tingkah laku, bahkan ia meliputi kesopanan bahasa yang mencerminkan akal budi seseorang manusia yang diterjemah dengan perbuatan diri. Armani (2020) menjelaskan bahawa sifat dengan adab sopan dan santun bukan sesuatu yang baharu dalam Islam. Pernyataan ini disokong melalui penjelasan Ahmad Fuad (2020) yang menerangkan bahawa amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi sehari-hari amat dititikberatkan dalam agama Islam. Malah, perintah mengamalkan kesopanan dalam berbicara dan tutur kata harian sudah dijelaskan oleh Allah SWT dalam kitab-Nya, al-Quran menerusi Surah al-Israa jelas dalam ayat ini menunjukkan Allah SWT mengajar kita supaya menggunakan perkataan yang baik lagi mulia apabila berkomunikasi sesama manusia. Allah SWT berfirman :

Bermaksud: "...Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah' dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

(al-Quran, al-Israa: 23)

Pendekatan rahmah diaplikasikan oleh Tun Sakaran dalam berpolitik turut diterapkan dalam kepimpinan politik melalui sifat peribadinya. Pendekatan ini lebih menjurus kepada nilai kesopanan dan tutur kata yang diterjemah dengan menyantuni masyarakat. Kewibawaan Tun Sakaran sebagai pemimpin daerah rata-ratanya dikenali dengan sifat santunnya. Ismail Amir (2022) menjelaskan bahawa kekuatan dengan penerapan ini adalah hasil daripada didikan keluarga dan bimbingan guru-guru yang menjadi tempat perguruannya. Manakala Hamzah Amir (2022) pula menegaskan bahawa pembawaan dan pendekatan politik dalam berpolitik adalah dengan sifat as-Siddiq (kebenaran) tanpa direka atau meniru, namun itu adalah penterjemahan mengikut panduan agama.

Mohammad Mokhtar (2022), terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan nilai dan penerapan sifat sopan yang ditunjukkan oleh Tun Sakaran. Antaranya menyantuni masyarakat dalam siri jelajah politiknya. Setiap kali Tun Sakaran mengadakan siri jelajah dan perjumpaan bersama penduduk kampung di daerah Semporna, beliau tidak pernah lupa bertanya khabar dan mengingatkan ibu bapa supaya memberi tumpuan kepada didikan ilmu kepada anak-anak supaya menghantar mereka pergi ke sekolah untuk menimba ilmu dan memberi didikan agama dengan belajar kelas fardhu 'ain di surau dan masjid yang disediakan. Tujuannya adalah untuk melahirkan anak-anak yang taat pada perintah Allah dan rasul-Nya dan menghormati ibu bapanya. Baginya cukuplah generasi sebelumnya yang serba kekurangan dalam pembangunan pendidik, jangan pada anak-anak kerana anak inilah pewaris bakal pemimpin.

Menurut Nasir (2022) pula, dalam berpolitik juga Tun Sakaran turut menekan dua perkara setiap kali mengadakan lawatan di setiap perkampungan penduduk di daerah Semporna. Dua perkara iaitu peringatan tentang solat dan menjaga silaturrahim. Solat merupakan pesanan yang tidak pernah dilupakan setiap kali diucapkan oleh Tun Sakaran bukan untuk dirinya dan keluarga sahaja, bahkan kepada semua. Setiap kali berjumpa dengan masyarakat, beliau sering mengingatkan perintah solat didirikan secara berjemaah di surau ataupun masjid. Permulaan dan pengakhiran ucapannya sering mengingatkan supaya mendirikan solat sering kedengaran. Dalam kalangan ahli keluarganya sendiri turut diingatkan bahkan lagi tegas daripada peringatan yang diberikan masyarakat. Masjid yang disediakan perlu diimarahkan dengan program keagamaan agar ia sebatи dalam kehidupan.

Selain daripada peringatan solat, beliau turut mengingatkan tentang kepentingan menjaga silaturrahim. Silaturrahim mesti dijaga dengan baik tanpa ada pertikaian. Setiap kali Tun Sakaran bertemu dengan penduduk Semporna, sama ada di kediamannya atau di perkampungan penduduk, beliau sering mengingatkan mereka supaya menjaga hubungan baik, perlu ada rasa hormat-menghormati dan menghindari pertelingkahan. Sekiranya berlaku salah faham, ia perlu diselesaikan dengan penuh hikmah dan kasih sayang, dan menjauhi kata-kata kesat yang akan memburukkan keadaan. Perbezaan ideologi dan menyokong individu yang mewakili parti berbeza bukanlah satu tiket untuk merenggangkan hubungan silaturrahim. Perbezaan adalah satu perkara yang boleh mencari titik persamaan kearah membangun nilai bermasyarakat.

Kesungguhan Tun Sakaran Dandai dalam usaha membangunkan dan membawa masyarakat dengan pendekatan nilai akhlak, kesopanan dan sifat mahmudah menjadi satu peranan yang perlu ditunjukkan oleh pemimpin kepada masyarakat perlulah diteladani. Menyantuni masyarakat dengan sifat terpuji dengan pembawaan sederhana merupakan manifestasi kepada agama. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh beliau dalam menunjukkan nilai dan sifat terpuji dalam konteks bermasyarakat bersesuaian dengan saranan Rasulullah SAW melalui sabdanya:

مَنْ حُرِّمَ الرِّفْقُ حُرِّمَ الْخَيْرُ أَوْ مَنْ يُحْرَمُ الرِّفْقُ يُحْرَمُ الْخَيْرُ

Maksudnya: “*Barang siapa dijauhkan dari sifat lemah lebut (kasih sayang), bererti ia dijauhkan dari kebaikan.*”

[Hadis Riwayat Muslim, (2592)]

### **Diplomasi**

Diplomasi merupakan satu pendekatan yang boleh diterapkan dengan pendekatan dakwah melalui karier politik. Ishak (2021) menerangkan bahawa diplomasi ini sama seperti yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW yang merupakan sunnah Nabi SAW dalam perundingan dan diplomasi atau seni komunikasi tanpa konflik dalam siasah atau politik negara. Rasulullah S.A.W telah melihat keadaan perpecahan kabilah akan menjasaskan pembentukan negara Islam di Madinah jika ianya terus berlarutan. Oleh itu, antara usaha awal baginda dalam menangani permasalahan ini adalah dengan menyatukan masyarakat Aus dan Khazraj atas nama Islam. Ia merupakan satu pendekatan dakwah Rasulullah SAW yang diadaptasikan melalui kuasa politik yang dimiliki (Ahmad Fakruddin 2014). Kebijaksanaan Rasulullah dalam berpolitik bukan sahaja dapat menyatukan kabilah Aus dan kabilah Khazraj, bahkan secara tidak langsung ianya dijadikan medium untuk baginda berdakwah.

Penerapan pendekatan diplomasi Tun Sakaran Dandai dalam kepimpinan politiknya turut diaplikasikan. Penerapan ini bertujuan mewujudkan perpaduan berpaksikan syariat Islam yang berfokus kepada pembangunan pendidikan agama dan memastikan kelangsungan penyebaran syiar dapat dilaksanakan di daerah Semporna. Buktinya adalah terbinanya madrasah Salamah seperti dijelaskan oleh Muhammad Shauki (2015) hasil usaha Tun Sakaran yang turut disokong oleh pemimpin Islam daerah lain seperti Tuan Guru Haji Ghulam Hussein @ Tuan Guru Haji Muda dari Lahad Datu, Kee Abu Bakar bin Kee Abdullah dari Tawau dan Syeikh Hasbullah bin Syeikh Mohd Said al-Tahiri dari Sandakan. Hasilmnya beliau berjaya membawa beberapa orang guru yang datang berdagang dari Mekah, Madinah, Yaman, Pakistan, Indonesia dan Filipina untuk mengajar ilmu agama di madrasah ini antaranya Syeikh Abdul Rahman, Syeikh Abdul Wahab, Syeikh Muhammad, Syeikh Hassan Gabrah, Syeikh Abdillah dan Syeikh Madan.

Dalam konteks masyarakat Semporna, sebagai pemimpin Tun Sakaran sendiri menterjemah pendekatan diplomasi bersama rakyatnya. Menurut Nasir (2022), pernah beberapa situasi berlaku dalam kalangan masyarakat Semporna di antara majikan dan pekerja. Pihak majikan yang mengusahakan perniagaan datang berjumpa Tun Sakaran di kediamannya Kampung Air, Semporna. Mereka yang terdiri daripada pengusaha perniagaan berbangsa Cina mengadu kepada Tun mengenai masalah pekerja mereka yang bersifat tidak bekerja bersungguh-sungguh dan selalu memberi alasan. Antara pengusaha peniaga Cina ketika itu adalah Sim Seng Lee, Eng Kee, Wing Tat dan Ang Lee. Beliau mendengar segala keluhan dan aduan daripada

majikan berbangsa Cina itu memberikan layanan baik meskipun bukan beragama Islam dan menyatakan balasan bahawa dia akan berjumpa dengan pekerja-pekerja mereka untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Rata-rata peniaga Cina di Semporna menganggap Tun Sakaran sebagai seorang kawan yang banyak membantu mereka tanpa ada sifat pilih kasih.

Menurut Muhammad Shauki (2015), ketika Tun Sakaran Dandai memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah pada tahun 1994, beliau telah mengadakan lawatan ke negara Brunei Darussalam menghadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah. Lawatan kerja beliau adalah bertujuan untuk mengeratkan semula diplomasi memandangkan hubungan pemerintah Brunei pada ketika itu tidak begitu dekat dengan pemimpin Sabah. Dengan pendekatan diplomasi ini juga, beliau telah memanfaatkan ruang dan peluang kuasa yang dimiliki sebaiknya dengan membuka ruang kepada pelajar Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di Universiti Brunei Darussalam. Menurut perjanjian melalui diplomasi yang telah dilakukan oleh Tun Sakaran, Brunei Darussalam bersetuju untuk membiayai dengan memberi biasiswa seramai sepuluh orang pelajar Sabah melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian Islam pada setiap tahun.

Dengan jawatan yang disandang sebagai Ketua Menteri Sabah, Tun Sakaran Dandai telah berusaha bersungguh-sungguh mengeratkan lagi hubungan kerajaan negeri pimpinannya dengan kerajaan persekutuan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mempastikan kelangsungan pembangunan negeri Sabah dari segi sosioekonomi dan agama. Beliau ketika itu juga menggalas tugas sebagai Yang Di-Pertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah USIA menggunakan sebaiknya pendekatan diplomasi bersama kerajaan persekutuan untuk membincangkan perkembangan syiar Islam dan hasilnya Tun Sakaran berjaya membuka hati Perdana Menteri Malaysia untuk memberikan peruntukan tahunan kepada USIA. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun) berpandangan bahawa USIA pimpinan Tan Sri Sakaran Dandai (Tun) sangat penting dan mempunyai tunjang sejarah yang sebatи dengan masyarakat Islam dan USIA perlu dijaga dan diberi perhatian. Di samping beliau berjaya memantapkan jalinan rapat bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Majlis Agama Islam Sabah (MUIS).

Diplomasi yang ditunjukkan oleh Tun Sakaran Dandai merupakan satu pendekatan rahmah dalam berpolitik. Ia sejajar dengan ajaran gama yang inginkan kesatuan wujud tanpa ada perpecahan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَأَنْفُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢

Bermaksud: "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab sekanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya)."

(al-Quran, al-Maaidah: 2)

Nama	Ringkasan Dapatan
<b>Kasih Sayang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tun Sakaran meluangkan masa berziarah penduduk setempat dan melayani mereka seperti adik-beradik. (Mauludun, 2021)</li> <li>- Tun Sakaran meluangkan masa bersama ahli keluarga menunaikan solat secara berjemaah. (Razak, 2022)</li> <li>- Meluangkan masa berkumpul bersama adik-beradiknya bersama anak-anak di kediamannya setiap bulan Ramadan dan hari perayaan. (Ismail Amir, 2022)</li> </ul>
<b>Bersifat Sabar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tetap bertahan dan meneruskan perjuangan bersama USIA meskipun USIA dilanda krisis kewangan. (Emin, 2009)</li> <li>- Slogan ‘Sabar’ dalam kempen politik di Semporna begitu sebatи menggambarkan sifit peribadi sehingga Berjaya mengekalkan kemenangan dengan sokongan rakyat. (Shafie, 2022)</li> </ul>
<b>Bermusyawarah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tun Sakaran mengadakan perbincangan dan meminta pandangan daripada kakak-kakaknya sebelum menerima jawatan sebagai menteri. (Shafie, 2022)</li> <li>- Tun Sakaran berjumpa dan mengadakan perbincangan bersama Orang-Orang Tua setiap kawasan mukim untuk menyatakan hasrat membuka tanah rancangan di kawasan Lihak-Lihak, Semporna. (Abdul Jahim, 2021)</li> <li>- Tidak membelakangi rakan kabinet dan sering meminta pandangan dan berbincang sebelum membuat keputusan dalam mesyuarat kerajaan negeri. (Salleh, 2021)</li> </ul>
<b>Bersifat Santun</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tun Sakaran turut menekan dua perkara setiap kali mengadakan lawatan di setiap perkampungan penduduk di daerah Semporna. Dua perkara iaitu peringatan tentang solat dan menjaga silaturrahim. (Nasir Sakaran, 2022)</li> <li>- Setiap kali berjumpa bersama penduduk Semporna, beliau sering bertanya khabar dan mengingatkan ibu bapa supaya memberi tumpuan kepada didikan ilmu kepada anak-anak. (Muhammad Mokhtar, 2022).</li> </ul>
<b>Diplomasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tun Sakaran telah mengadakan lawatan ke negara Brunei Darussalam menghadap Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah untuk mengeratkan semula diplomasi di samping memanfaatkan ruang dan peluang dengan membuka ruang kepada pelajar Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di Universiti Brunei Darussalam. (Muhammad Shauki, 2015)</li> <li>- Menjalin hubungan dan mengukuhkan kerjasama antara USIA bersama JHEAINS, MUIS dan JAKIM dalam setiap program keagamaan yang dilaksanakan. (Muhammad Shauki, 2015)</li> </ul>

### Pengiktirafan

Sumbangan dan kejayaan Tun Sakaran Dandai dalam kepimpinan mendapat pengiktirafan seperti diperkatakan oleh Salleh Said (2021) bahawa beliau layak diberi gelaran sebagai ‘Bapa Pembangunan Modal Insan Negeri Sabah’ yang berjaya menterjemah nilai-nilai rahmah dalam pendekatan berpolitik. Sumbangan dalam aspek pembangunan syiar Islam melalui Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) merupakan satu bukti bahawa kewibawaan beliau menterjemah pendekatan rahmah ke arah memartabatkan syiar agama Islam di negeri Sabah. Kejayaan hasil curahan bakti telah membolehkan dirinya dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1429H Negeri Sabah tahun 2008 (Mohd Nasrun, 2020) dan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1439H tahun 2017 (Rohaniza, 2017).

## Kesimpulan

Pendekatan rahmah dengan menunjukkan nilai-nilai agama diterjemah dalam perbuatan dan dibawa ke dalam kepimpinan politik yang diaplikasikan oleh Tun Sakaran Dandai menunjukkan kewibawaan dan ketokohnanya. Penterjemahan pendekatan rahmah bertunjangkan agama merupakan manifestasi mengangkat syiar Islam dalam kepimpinan politik. Ia bersesuaian dengan penerapan dan panduan daripada kepimpinan Rasulullah SAW yang menjadi role model utama dan juga ikutan daripada pemimpin terulung Islam terdahulu seperti Khula' al-Rasyidin. Peterjemahan nilai-nilai Islam melalui sifat peribadi beliau ketika terlibat sepenuhnya dalam kepimpinan politik dan gerakan USIA telah membuktikan bahawa akhak Rasulullah SAW yang cuba diterapkan dalam kehidupan bersifat universal dan berjaya meletakkan kedudukan Islam dipandang tinggi. Kejayaan beliau memimpin dengan mencorak politik berserta dengan kekuatan agama merupakan satu tauladan baik dan menjadi penanda aras bahawa nilai-nilai yang membawa mesej agama bukanlah satu halangan untuk dibawa dalam landasan politik. Walaupun begitu, kajian berkaitan ketokohan Tun Sakaran Dandai perlu dipergiatkan lagi agar ketokohan dan kewibawaan beliau dapat diperluas pada peringkat akademik supaya dikenali dalam kalangan rakyat Sabah serta rakyat Malaysia sehingga menjadi contoh kepada pemimpin politik negara.

## Rujukan

- Al-Quran.
- Abbas, D.,& Tan, C. (2019). Transformational Islamic Leadership: A Case Study From Singapore. *Global Perspectives on Teaching and Learning Paths in Islamic Education*, (August), 76–91.
- Abdul Jamal bin Tun Sakaran. (30 Ogos 2020). Kota Kinabalu, Sabah. *Temu bual*.
- Abdul Jahim. (30 Oktober 2021). Semporna, Sabah. *Temu bual*.
- Abî Dawud Sulaiman bin al-Asy'ash al-Azdi al-Sijastanî 1430H/2009M. *Sunan Abî Dawud-Tahqiq Shu'aib al-Arnout*. Syria: Dar al-Risâlah wa al- 'Alamiyah.
- al-Bukharî. Abu 'Abd-Allah Muhammad bin Ismail. 1422H/2002M. *Shahih al-Bukhari*. Beirut, Lebanon: Dar al-Ibn Kathir.
- al-Naysaburî. Abi al-Hasan Muslim al-Hajjaj al-Kusyairi. 1427H/2006M. *Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-'Adli 'an al-'Adli Ila Rasulillah*. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauzi'i.
- al-Tirmidhî. Muhammad bin 'Isa bin Surah. 1416H/1996M. *Sunan al-Tirmidhi- Tahqiq Syeikh Muhammad Nashiruddin al-Albani*. Riyadh- Arab Saudi: Maktabah al-Ma'arif wa al-Tawzî'i.
- Ahmad Fakhruddin Mohd Tahir. (2015). *Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) melalui politik: Kajian Terhadap Persepsi Jemaah Tabligh di Masjid Jamek Bandar Seri Petaling, Kuala Lumpur*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Komunikasi Formal Dan Tidak Formal Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication* 36(4):410-427.
- Amirul Mohd Yusof & Norazimah Zakaria. (2021). Ciri-Ciri Kepimpinan Dan Kesannya Dalam Tuhfat Al-Nafis Karya Raja Ali Haji. *International Journal Of Humanities, Philosophy And Language (IJHPL)*. Volume 4 Issue 13 (March 2021) Pp. 24-36.
- Berita Harian. Ishak Sulaiman. (2021). Diplomasi, rundingan penting dalam siasah pentadbiran. 13 Januari 2021.

- Berita Harian. Khaled Nordin. (2015). Memupuk sifat penyayang dalam masyarakat. 13 Mac 2015.
- Berita Harian. Mazlina Ismail. (2018). *Akhlaq asas bentuk jati diri masyarakat*. 24 April 2018.
- Berita Harian. Rohaniza Idris & Mohd Azone Sarabatine. (2017). *Sakaran Dipilih Tokoh Maal Hijrah*. 22 September 2017.
- Berita Harian. Zamanudin Jusoh. (2015). *Kasih sayang asa penyatuan ummah*. 23 Disember 2015.
- Dzulfida A.Razak, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abdullah Abdul Ghani. (2020). Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya Terhadap Komitmen Organisasi. *International Journal of Modern Trends in Business Research* (IJMTBR), 3(13), 1 – 15.
- Emin Madi. (2009). *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Firdaus. (2019). Musyawarah Dalam Perspektif Islam. *Al-Mubarak: Jurnal Kajian Al-Quran & Tafsir*, Volume 4, No. 2, 2019
- Hamzah bin Amir. (07.01.2022). Kota Kinabalu, Sabah.. *Temu bual*.
- Harian Metro. Dr. Armani Nawi (2020). *Adab Sopan Usah Dipinggir*. 7 Oktober 2020.
- Ismail Abas et al, (1996). *Biografi bergambar Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai*. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.
- Ismail Ali & Mohd Sohaimi Esa. (2015). *Tun Sakaran Dandai: Pejuang Warisan dan Kesenian Lepa Semporna*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail bin Amir. (02.02. 2022). Semporna, Sabah. *Temu bual*.
- Mauludun bin Bullun. (30.10.2021). Semporna, Sabah. *Temu bual*.
- Mohamad Kamil Abdul Majid & Mohd Fauzi Hamat. (2005). Pemikiran Ibn Khaldun Mengenai Sifat dan Amalan Negatrf Yang Boleh Meruntuhkan Kepimpinan Islam. *Jurnal al-Tamaddun*. Bil I (2005) 137-166.
- Misbachul Munir. (2019). Konsep Sabar Menurut Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya’ ‘Ulum Al-Din. *Jurnal Ilmiah Spiritualis; Jurnal Pemikiran Islam Dan Tasawuf*, Vol 5 No 2.
- Mohamad Shaukhi Md Radzi. (2015). *Biografi Tun Sakaran Dandai Min Rilaut Ni But*. Universiti Malaysia Sabah. 53-68.
- Mohammad Mokhtar.@ Abdul Rahman bin Tun Sakaran. (30 Ogos 2022). Kota Kinabalu, Sabah. *Temu bual*.
- Mohd Amin. (2015). *Kepemimpinan Dalam Perspektif Al-Qur'an* (Pandangan Sa'id Hawwa Dalam Al-Asâs Fî Al-Tafsîr Dan Triloginya). Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran, Jakarta, Indonesia.
- Mohd Nasrun Mohd Talib & Saifulazry Mokhtar. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai Dalam Perkembangan Dakwah di Daerah Semporna, Sabah: Satu Analisis. *E-Proceeding of the International Conference on Education, Social Sciences & Technology*, 3-4 December 2020. 225-231.
- Mohd Nasrun Mohd Talib, Saifulazry Mokhtar & Mohd Sohaimi Esa. (2022). Pembinaan Jati Diri Dalam Kepimpinan Politik Tun Sakaran Dandai: Satu Tinjauan. *International Journal Of Law, Government and Communication* (IJLG.C).658-673.
- Mohd Norzi Bin Nasir & Salwa Binti Muhamad. (2019). Sifat Qawiy Al-Amin Dalam Kepimpinan Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. *5<sup>th</sup> International Seminar On Islamiyyat Studies* (IRSYAD 2019).
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. (2015). *Memacu Perubahan Malaysia Rahmah Berasaskan Maqasid Syariah*, Ucapan Dasar Presiden Perhimpunan Tahunan IKRAM.
- Mohd Shafie bin Apdal. (22.01.2022). Kediaman Rasmi Taman Golf View, Kota Kinabalu, Sabah. *Temu bual*.

- Mohd Yusof Kassim. (2004). *Teks Ucapan Naib Canselor, Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah kali ke-6*. Sejarah Seorang Perjuangan: Tun Sakaran Dandai. Universiti Malaysia Sabah.
- Monjur, M. (2015). Characteristics of Leadership: *Islamic perspective*. *Journal of Management*, (June 2010).
- Muhammad Haikal Mohd Hedzir & Muhammad Arif Yahya. (2018). Pemahaman Konsep Rahmah Dalam Isu Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Analisis Pendirian Gerakan Dakwah Ikram Dan Isma. *Jurnal Hadhari* 10 (2) (2018) 243-257.
- Muhammad Irham. (2014). Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin Makassar. *Tafsere* Vol. 2 Nom. 1.
- MyMetro. Mohd Sharizal Nasir. (2021). *Pillih Jalan Musyawarah*. 21 Jun 2021.
- Nasir bin Tun Sakaran. (11.01.2022). Kediaman Rasmi, Kota Kinabalu, Sabah. *Temu bual*.
- Nor Anisah Abu Hanafiah & Razaleigh Muhamat@Kawangit Kawangit. (2017). Teori Kepimpinan dari Perspektif Islam dan Barat dalam Tema Kepimpinan Transformasi. *Jurnal al-Hikmah*. 9(2). 141 -153.
- Razak Sakaran Dandai. (30 Ogos 2022). Kediaman Rasmi Tun Sakaran. Kota Kinabalu, Sabah *Temu bual*.
- Saeeda Shah. (2016). *Education, Leadership and Islam, Theories, discourses and practices from an Islamic perspective*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah, Muhammad Safuan Yusof & Romzi Ationg. (2021). Implementasi Kepimpinan Transformasi Dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Di Daerah Sandakan: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED). 202-216.
- Salleh bin Said Keruak. (21.12.2021). Kediaman Rasmi, Kota Kinabalu, Sabah. *Temu bual*.
- Siti Fatimah Muhammad Nor. (2022). Kepimpinan Islam Dalam Tadbir Urus Insan: Satu Tinjauan. *Cifer International Journal Of Islamic Finance*. June 2022, Vol. 1, Issue 1.